

KERANGKA PENTAKSIRAN PENDIDIKAN ADAB PELAJAR

Mohamad Sahari Nordin
Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia
msahari@iium.edu.my

Ainol Madziah Zubairi, Suhailah Hussein
Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia
ainol@iium.edu.my

Tunku Badariah Tunku Ahmad
Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia
tbadariah@iium.edu.my

Suhailah Hussien
Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia
suhailah@iium.edu.my

Kamal Badrasawi
Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia
kamalbadrasawi@iium.edu.my

Pengenalan- Kertas ini membentangkan satu kerangka konsep pentaksiran adab pelajar bagi menanganikan keterbatasan pemahaman dan panduan tentang pentaksiran adab di bilik darjah..

Objektif – Dengan bersandarkan makna dan matlamat pendidikan adab, ditanda aras dengan prinsip-prinsip pentaksiran untuk pembelajaran, kertas ini meninjau dan menganalisis pelbagai pemikiran, kajian dan amalan pentaksiran di bilik darjah.

Methodologi – Tinjauan dan analisis ini menggunakan pendekatan tinjauan deskriptif-interpretif ke atas penerbitan berkaitan dengan konsep, prinsip, kajian dan amalan pentaksiran non kognitif, afektif dan ada kaitan dengan aspek-aspek adab, termasuk pentaksiran aspek-aspek pembelajaran sosial dan emosi.

Dapatan – Pertama, matlamat pentaksiran yang menjadi sasaran pentaksiran konvensional belum cukup untuk memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kedua, sehingga kini ini tidak banyak bukti-bukti empiris mengenai sejauh mana dan bagaimana kompetensi-kompetensi ini diintegrasikan dalam PdPc dan pentaksiran adab. Ketiga, seperti yang dibayangkan oleh Zuraidah Othman (2013), hirarki dan skala kompetensi adab yang berasaskan pemeringkatan aras kemuliaan dan keluhuran adab adalah penting dan perlu diberi perhatian dalam amalan pentaksiran. Keempat, pentaksiran yang berkualiti harus mempamerkan keseimbangan antara

pentaksiran tentang pembelajaran adab dengan pentaksiran untuk pembelajaran adab. Kelima, kerangka pentaksiran adab seharusnya menggunakan amalan terbaik, iaitu pentaksiran 360 darjah.

Kepentingan – Pembentukan kerangka pentaksiran adab berpotensi menyumbang kepada usaha pemimpin pendidikan, dan golongan pembuat dan pelaksana dasar pendidikan kebangsaan, penyelidik dan para guru.

Kata Kunci: Pentaksiran Adab; Kerangka Pentaksiran Pendidikan Adab; Prinsip-prinsip Pentaksiran; Pentaksiran Bilik Darjah; Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pengenalan

Ditanggapi sebagai jelmaan akhlak, kompetensi beradab terpancar pada perbuatan, percakapan, dan pemikiran seseorang. Adab dikaitkan dengan hal-hal yang indah yang bebas daripada kesalahan dan kecacatan tingkah laku. Adab juga menggambarkan sifat-sifat kesopanan, kemesraan dan kehalusan budi pekerti. Tingkah laku beradab sarat dengan nilai-nilai keilmuan dan kerohanian seperti yang dipamerkan oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat r.a. dan para ilmuwan. Imam Malik rahimahullah misalnya telah menyarankan supaya, "pelajarilah adab sebelum mempelajari sesuatu ilmu." Kata-kata ini menjadi cerminan betapa pentingnya adab dalam pertumbuhan insan.

Adab boleh dibina dan dibentuk menerusi pendidikan; proses mendidik adab disebut sebagai ta'adib. Ta'dib ditakrifkan sebagai pendidikan membangunkan kompetensi intelektual, sosial, emosi dan spiritual yang merentasi semua peringkat umur dan kematangan (Ibn Maskawayh). Al-Farabi pula mentafsirkan ta'dib sebagai aktiviti yang bertujuan melahirkan watak yang menyerlahkan akhlak insan mulia. Dengan nada yang sama, Jurjani mendefinisikan ta'dib sebagai proses menguasai ilmu pengetahuan (ma'rifah) supaya dapat mencegah seseorang daripada terjerumus ke dalam pelbagai bentuk kesalahan. Malahan menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (Al-Attas, 1980), pendidikan itu sendiri adalah 'penyemaian dan penanaman adab' dalam diri seseorang. Susulan daripada pemahaman sedemikian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal dan melaksanakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang jelas menempatkan pendidikan adab pada kedudukan sepatutnya menerusi matlamat, "melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan."

Terkini para ilmuan Muslim, para cendekiawan dan penyelidik semakin lantang menyuarakan peri perlunya adab diberi keutamaan dalam sistem dan amalan pendidikan. Banyak yang telah diperkata, diulas, ditulis dan dikonsepsikan tentang makna, inti pati, struktur, hirarki dan komponen adab, khususnya adab dalam proses pendidikan (Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2014; Nor 'Adha Abdul Hamid, Suziana Hanini Sulaiman, Wazzainab Binti Ismail, Intan Fadzliana Ahmad, & Khairunnisa' Ismail, Siti Noor Ahmad, 2014; Zuraidah Othman, 2013). Misalnya, Zuraidah Othman menegaskan bahawa, "adab bererti disiplin intelektual yang mengenal dan mengakui adanya hirarki ilmu [*sosial, emosi dan kerohanian*] berdasarkan kriteria tingkat-tingkat keluhuran dan kemuliaan" (halaman 30). Tidak kurang juga laporan-laporan kajian empiris yang memerihalkan tanggapan dan amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang semakin bertambah. Manar Eissa dan Madiah Khalid (2018) misalnya melaporkan perspektif guru mengamalkan kaedah Pendidikan al Quran dan Sunnah. Seajar dengan semangat FPK, usaha yang

serupa turut dikesan dalam penulisan para pendidik (lihat misalnya, Dusenbury & Weissberg, 2017; Jones & Bouffard, 2012; Nor Adha Abdul Hamid, Suziana Hanini Sulaiman, Wazzainab Ismail, Intan Fadzliana Ahmad, Khairunnisa' Islamil, Siti Noor Ahmad, 2014; Norlia Harun, 2017; Nurliana Mohd. Hassan, Khairul Anwar Mastor, Fariza Binti Mohd. Sham, & Fazilah Binti Idris, 2017; Asmawati Suhid, 2007; Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah, & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016).

Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian

Himpunan ilmu jelas kaya dengan maklumat tentang panduan mengenai 'apa' dan 'bagaimana' mendidik adab. Namun, maklumat yang ada masih belum sempurna. Banyak persoalan yang belum terjawab bagi merumuskan satu pendekatan pendidikan adab yang komprehensif dan serasi mengikut peredaran masa dan tempat. Didapati wujud lompang yang ketara terutamanya yang berkaitan pentaksiran adab pelajar. Sementara banyak ilmu dan panduan yang dapat diamalkan daripada segi kurikulum dan kaedah PdPc, para pendidik masih mencari-cari tujuan, kaedah dan teknik melaksanakan pentaksiran adab di bilik darjah. Sejak pelaksanaan pentaksiran bilik darjah, golongan guru terasa kesukaran mengenalpasti bukti, menganalisis data, menggunakan bukti adab dalam memajukan PdPc dan melaporkan kompetensi adab kepada pihak-pihak berkepentingan (Mohamad Sahari Nordin, dalam penerbitan). Pemikiran dan data empiris mengenai pentaksiran adab, khusus dalam konteks pentaksiran bilik darjah amat diperlukan oleh para guru dan pendidik dewasa ini.

Dengan kata-kata lain, berbagai-bagai persoalan-persoalan berkaitan pentaksiran adab berlegar tanpa jawapan, misalnya:

- Apakah tujuan dan matlamat pentaksiran adab?
- Adakah pentaksiran adab sesuai diamalkan sebagai pentaksiran tentang pembelajaran pentaksiran atau pentaksiran untuk pembelajaran kedua-duanya sekali?
- Apakah komponen, inti pati, indikator dan kandungan kompetensi adab yang perlu ditaksir?
- Adakah terdapat hirarki pada komponen dan inti pati adab, misalnya mengikut tahap-tahap aras kuluhuran dan kemuliaan adab yang perlu ditaksir?
- Apakah teknik-teknik, sumber data dan instrumen pentaksiran adab yang berwibawa, tentu sah, boleh dipercayai dan saksama?
- Apakah kaedah analisis dan pelaporan yang bermanfaat?
- Adakah pentaksiran adab bersifat sumatif atau formatif?

Sehingga kini tidak jelas mengenai wujudnya satu teori, model atau kerangka konsep yang dapat menangani semua persoalan-persoalan itu. Malahan, kekangan pemahaman yang serupa wujud dalam konteks Pendidikan Kemahiran Insaniah, Pendidikan Moral dan Pendidikan Pembinaan Watak (Kankaraš and Suarez-Alvarez, 2019; Mertasari, Yudana, & Gita, 2019; Umi Faizah, Darmiyati Zuchdi, & Yasir Alsamiri, 2019).

Bagi menangani kesenjangan pengetahuan sedemikian, tulisan ini bertujuan membentangkan satu kerangka konsep pentaksiran adab pelajar. Kerangka pentaksiran adalah satu struktur yang memetakan kedudukan dan hubungkait antara hasil atau standard pembelajaran adab dengan kaedah melakukannya. Ia mengandungi panduan menentukan "apa" yang perlu ditaksir, dan "bagaimana" pentaksiran dilakukan. Kerangka pentaksiran mengandungi usul mengenai objektif pentaksiran adab bilik darjah, struktur dan komponen adab pelajar yang wajar ditaksir, pendekatan,

yakni kaedah, teknik dan instrumen pentaksiran dan cara melaporkan keputusan pentaksiran. Tulisan ini merupakan antara usaha awal ke arah melaksanakan pentaksiran adab yang inklusif dan sistematik. Pembentangan ini juga berpotensi menjadi wacana yang dapat merangsang perdebatan ilmiah dan professional, di samping menggerakkan kajian-kajian bagi mengumpul bukti empiris berkaitan pentaksiran adab.

Konsep Pendidikan Adab dan Prinsip-Prinsip Pentaksiran Untuk Pembelajaran Adab

Adab merupakan tingkah laku kompleks yang didasari oleh kompetensi pelbagai dimensi. Imam al Ghazali misalnya, menekankan bahawa keupayaan beradab adalah hasil interaksi antara aqal, qalb dan amalan seseorang insan yang mencari keredaan Allah. Tanpa mengaitkan dengan gagasan ini, komuniti psikologis kontemporari memperakukan kebenaran bahawa seseorang pelajar perlu melalui proses sedar, memberi reaksi, membuat penilaian, membentuk sistem nilai sendiri dan menghayati nilai-nilai sehingga terbitnya amalan tingkah laku beradab secara konsisten dan spontan. Dengan itu, kerangka pentaksiran adab harus berfokus untuk aktiviti mengukur, menilai dan memberi maklum balas mengenai keadaan dan kemajuan kompetensi adab setiap pelajar.

Konsep dan pengertian adab telah dihalusi oleh al Attas (1980). Dalam kupasannya mengenai pemikiran al Attas itu, Zuraidah Othman (2013) menyarankan supaya pendidikan adab melibatkan lima komponen tingkah laku, iaitu (i) adab terhadap diri sendiri dalam menempatkan dirinya pada kedudukan yang benar; (ii) adab dalam konteks hubungan antara sesama manusia, dengan mematuhi norma etika hubungan sosial bermasyarakat, berkeluarga dan sekolah; (iii) adab terhadap ilmu yang bermaksud mengenal dan mengakui adanya hirarki ilmu berdasarkan kriteria tingkat-tingkat keluhuran dan kemuliaan; (iv) adab terhadap alam, persekitaran, termasuk semua makhluk bernyawa, tumbuh-tumbuhan, batu-batan, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai, lembah, danau, binatang dan habitatnya; dan (v) adab terhadap bahasa yang bererti pengenalan dan pengakuan adanya tempat yang benar dan tepat untuk setiap kata, baik dalam tulisan mahupun percakapan sehingga tidak menimbulkan kekacauan dalam makna, bunyi dan konsep. Tersirat dalam saranan ini adalah kehadiran nilai-nilai intelek, emosi, sosial, dan kerohanian yang membentuk kompetensi adab. Pembentangan ini, walau bagaimanapun ditumpukan pada tiga komponen pertama iaitu adab terhadap diri, adab dalam hubungan sesama manusia dan adab terhadap ilmu.

Untuk menghasilkan kerangka pentaksiran adab, tulisan ini dipandu oleh satu set prinsip pentaksiran. Lima prinsip penaksiran telah dikenalpasti menjadi teras pentaksiran untuk pertumbuhan kompetensi tingkah laku kompleks (Mohamad Sahari Nordin, *in press*). Prinsip-prinsip ini terbit daripada sorotan himpunan ilmu dilakukan secara menyeluruh (yang melibatkan misalnya, Astin, 1985; Banta, Lund, Black, & Oblander, 1996; Chen & Bonner, 2020; Gronlund, 1998; Hutchings, Marchese, & Wright, 1991; Jones, & Bouffard, 2012; Marzano, Norford, & Ruyle, 2019; McMillan, 1997; Popham, 2019; Stiggins, 2009). Lima prinsip yang diuraikan berikut sesuai berfungsi sebagai pedoman dan panduan amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Dipercayai bahawa ianya juga wajar digunakan sebagai kriteria untuk memahami, menilai, mengkaji dan mengamalkan pentaksiran adab di bilik darjah.

Prinsip 1: Menyumbang kepada Pencapaian Matlamat Pendidikan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1998) menegaskan bahawa matlamat pendidikan di negara ini adalah;

Satu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan . . . melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Dengan itu, pentaksiran hendaklah dijuruskan kepada usaha memperkembang potensi pelajar dengan berbagai-bagai ilmu dan kompetensi kompleks, terutamanya pertumbuhan adab yang sarat dengan unsur-unsur emosi, kemahiran sosial, akhlak, kerohanian dan kesediaan mematuhi kebenaran dan menentang kemungkaran (Dzulkifli Abdul Razak, 2019; Mohamad Kamal Hassan, 1998). Dalam konteks tulisan ini, konstruk “pentaksiran pendidikan adab” merujuk kepada usaha mengukur dan menilai aktiviti-aktiviti PdPc secara sistematik bagi mengukuh dan meningkatkan adab pelajar terhadap diri, rakan sebaya, guru, ibu bapa, dan ilmu yang dituntut.

Prinsip 2: Berasaskan Matlamat Sekolah

Sungguhpun matlamat pendidikan dikongsi bersama oleh semua sekolah, setiap sekolah memiliki sifat-sifatnya yang tersendiri. Penekanan matlamat, struktur, kepimpinan, suasana organisasi, lokasi, dan tradisi dan budaya setempat menyebabkan setiap sekolah menampilkan diri sebagai satu entiti pendidikan yang unik. Semua ini mempunyai pertalian dengan unsur-unsur persekitaran, terutamanya suasana politik, psikososial, dan sosioekonomi masyarakat sekeliling. Kepelbagaian sedemikian membentuk ciri-ciri matlamat, ekspektasi, kebiasaan dan amalan PdPc yang berbeza antara sekolah. Matlamat penaksiran adab seharusnya mengambilkira fenomena ini.

Untuk melaksanakan penaksiran yang saksama, penaksiran adab perlu berpusatkan keperluan sekolah masing-masing (Wrabel, Hamilton, Whitaker, & Grant, 2018). Tanggungjawab mengenai “apa,” “mengapa,” “bila” dan “bagaimana” penaksiran ini dirancang, dilaksana dan dilaporkan hendaklah diamanahkan kepada guru di sekolah masing-masing, dan bukannya pakar-pakar psikometrik, pengukuran dan penilai. Pakar-pakar di institusi pengajian tinggi, Lembaga Peperiksaan atau Majlis Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia ini lebih diperlukan untuk memberi panduan, bimbingan dan nasihat kepada guru untuk melaksanakan tugas itu secara tertib, sistematik dan efektif.

Prinsip 3: Integrasi Pentaksiran dalam PdPc

Mengikut prinsip ini, pelajar hendaklah diberi peluang disedarkan dan kemudiannya mendemonstrasikan tingkah laku sasaran dan mendapat maklum balas berulang kali, mengikut batasan masa dan kekerapan yang rasional. Misalnya, untuk mentaksir adab pelajar sesama rakan sebaya, mereka perlu menyedari, mengisytihar pegangan nilai sendiri, menta’kul, membuat refleksi, membina sistem adab, mempamerkan tingkah laku berkaitan adab, mendapat perhatian guru dan pihak lain yang penting dalam hidupnya dan menerima maklum balas berterusan bagi mengukuhkan kompetensi berkaitan adabnya.

Pernyataan “untuk pembelajaran usaha memperkembangkan potensi” (FPK, 1998) membayangkan peri perlunya pendekatan pentaksiran disejajarkan dengan proses pembelajaran adab. Maksudnya, objektif amalan pentaksiran hendaklah ditumpukan pada aktiviti mengumpul dan menganalisis evidens untuk menambah baik PdPc berkaitan adab. Instrumen sumatif boleh digunakan untuk mengumpul evidens bagi mengenalpasti tahap kompetensi adab setiap pelajar. Evidens diagnostik

ini membantu guru merancang PdPc. Lebih penting lagi, pentaksiran formatif perlu digunakan oleh guru untuk menambahbaik PdPc secara berterusan (Stiggins, 2009).

Jelas bahawa pembelajaran adab menuntut banyak proses dan aktiviti PdPc. Jelas juga bahawa PdPc untuk pertumbuhan adab pelajar diperlukan pada semua aktiviti dan interaksi yang berlaku dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah. Oleh yang demikian, PdPc yang efektif dirancang dan dilaksanakan dalam semua disiplin ilmu dan matapelajaran, dan tidak sekadar dipertanggungjawabkan pada guru Pendidikan Islam, Pendidikan Moral atau guru disiplin. Lantas, pentaksiran adab pelajar juga perlu dilakukan pada setiap matapelajaran dengan merentasi disiplin ilmu. Strategi ini merupakan amalan terbaik dalam proses mentaksir tingkah laku sosial dan emosional pelajar (Dusenbury & Weissberg, 2017).

Prinsip 4: Penaksiran Berasaskan Ketelusan dan Kesaksamaan

Pentaksiran adab melibatkan dan memberi kesan kepada banyak pihak. Antara yang terlibat adalah guru, pelajar, pentadbir sekolah, ibu bapa, ahli masyarakat dan individu serta institusi lain yang berkepentingan, misalnya bakal majikan. Semua pihak ini, khususnya pelajar mempunyai hak untuk tahu tentang tujuan, proses dan keputusan penaksiran. Dengan itu, penaksiran adab mesti bersifat telus dan terbuka. Seharusnya tidak wujud ciri-ciri misteri, mistikal, atau magikal pada penentuan tahap penguasaan yang pelajar perolehi menerusi penaksiran adab. Dengan itu, pentaksiran adab dapat diterima sebagai amalan profesional yang adil telus dan saksama.

Prinsip telus dan saksama ini ketara berlaku apabila wujudnya pengaliran maklumat dan komunikasi antara guru dengan pelajar. Sejak hari pertama persekolahan lagi pelajar patut diberitahu, atau lebih baik lagi bersama-sama terlibat merancang komponen, kandungan dan petunjuk adab sasaran, tanda aras atau piawai pentaksiran, kriteria dan kualiti prestasi yang ditaksir dan diberi markah, rubrik pemarkahan, contoh adab mithali, kaedah, tempat dan masa kompetensi itu diukur, cara dan peluang untuk memperbaiki kelemahan, dan kesan penambahbaikan ke atas penentuan tahap kompetensi adab. Inilah yang dimaksudkan bahawa tahap penguasaan adalah berasaskan ketelusan dan tidak merupakan satu fenomena misteri atau amalan silap mata yang hanya difahami oleh pentaksir.

Prinsip 5: Berwibawa, Boleh Dipercayai dan Kesaksama

Penaksiran kompetensi adab mestilah berlandaskan prinsip kewibawaan, tentu sah, dan kebolehpercayaan (Anastasi, 1990; Jones & Bouffard, 2012; Messick, 1988; Wrabel et al., 2018). Pentaksiran yang berwibawa ditentukan oleh kualiti kaedah, sumber data, instrumen, analisis dan keputusan pentaksiran. Pentaksiran yang berwibawa mempunyai tahap tentu sah kandungan dan pengajaran yang boleh dipertahankan. Dua jenis tentu sah ini merujuk kepada sejauh mana pentaksiran yang dilaksanakan benar-benar berkaitan dengan aspek dan tahap penguasaan kompetensi adab yang telah *guru ajarkan*.

Kebolehpercayaan (*trustworthiness*) bermaksud keyakinan yang diberi pada kaedah, data dan tafsiran yang digunakan dalam sesuatu proses pentaksiran. Oleh kerana kompetensi adab sarat berisi berbagai tingkah laku pembelajaran, pelbagai maklumat dan bukti diperlukan untuk mengukur dan menilai tahap penguasaan adab seseorang pelajar. Semakin kukuh pertalian antara interpretasi dengan bukti, yakni data yang dikumpul dan dianalisis, semakin tinggi jugalah tahap kebolehpercayaan ke atas keputusan pentaksiran yang dilaporkan. Umumnya, wujud pertalian positif antara kepelbagaian sumber data dengan tahap kebolehpercayaan. Pendek kata, guru perlu elakkan daripada bergantung pada hanya satu instrumen untuk mentaksir adab pelajar.

Metodologi

Untuk membina kerangka pentaksiran adab, tulisan ini menggunakan pendekatan tinjauan deskriptif-interpretif. Pendekatan ini bercirikan tinjauan dan analisis integratif ke atas penerbitan berkaitan dengan konsep, kajian dan amalan pentaksiran non kognitif di bilik darjah. Oleh itu, semua bentuk laporan mengenai pentaksiran kognitif tidak digunakan sebagai sumber kajian ini. Laporan-laporan mengenai kerangka konsep pentaksiran kognitif, termasuk yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa misalnya PISA (OECD, 2019) dan TIMSS (misalnya, Mullis & Martin, 2019) tidak dirujuk dalam tinjauan ini.

Data kajian ini adalah bersumberkan penerbitan yang berwibawa. Prosedur ini dimulakan dengan langkah mengenalpasti kajian-kajian sasaran dalam berbagai-bagai pangkalan data seperti, *Education Resource Information Center (ERIC)*, *ProQuest Education Journal*, *ProQuest Dissertation and Theses Global*, and *SCOPUS* menerusi carian web. Proses ini menggunakan pelbagai kata kunci berkaitan pentaksiran non kognitif, seperti, “pentaksiran,” “teori pentaksiran,” “kerangka pentaksiran,” “model pentaksiran,” “pendekatan pentaksiran,” dan digabungkan dengan istilah-istilah seperti, “adab,” “kemahiran insaniah,” “kemahiran Abad 21,” “pembelajaran emosi,” dan “pembelajaran sosial.” Selain itu, dua kata kunci tambahan, iaitu “semakan literatur” dan “sorotan literatur” turut digunakan untuk mengesan penerbitan, makalah dan artikel yang meninjau, menganalisis dan memerihalkan kerangka pentaksiran terdahulu secara menyeluruh dan kritis.

Prosedur analisis kandungan bertema diaplikasikan ke atas setiap laporan yang dimuat turun. Menerusi prosedur ini, satu senarai tema telah disediakan. Tema-tema ini pada asasnya adalah kriteria, yakni lima prinsip pentaksiran berkualiti yang dihuraikan terdahulu. Setiap kriteria dijadikan kod utama untuk menyemak dan menandakan kod ke atas maklumat berkaitan yang dikesan dalam artikel yang disorot. Kod-kod tambahan digunakan untuk memperincikan aspek-aspek yang ditemui untuk setiap tema. sumber data.

Dapatan-Dapatan Utama

Bahagian ini meringkaskan keputusan dan penemuan sorotan literatur mengenai pentaksiran Pendidikan adab. Pembentangan ini disusun atur mengikut urutan kriteria pentaksiran kompetensi non kognitif yang berkualiti, iaitu matlamat pentaksiran adab, struktur pentaksiran, integrasi pentaksiran dalam PdPc, kewibawaan dan kebolehppercayaan, dan kaedah, teknik dan instrumen pentaksiran.

Matlamat Pentaksiran Adab

Analisis himpunan ilmu menemukan tiga matlamat utama pentaksiran kompetensi non kognitif. Pertama, pentaksiran dirancang dan dilaksanakan untuk menyumbang kepada proses menghasilkan warga kerja bagi pembangunan dan kesejahteraan sosioekonomi. Matlamat ini diterajui oleh gagasan yang dilabelkan sebagai CASEL (*The Collaborative for Academic, Social, and Emotional Learning*). Matlamat anjuran CASEL ini menonjol sebagai rujukan utama pemikiran, penyelidikan dan amalan pentaksiran masa kini (Wrabel et al., 2018). Menurut kerangka kerja CASEL, tumpuan PdPc dan pentaksiran hendaklah diberi kepada lima kluster kompetensi, iaitu; kesedaran sendiri, tadbir urus sendiri, kesedaran sosial, kemahiran sosial dan tanggungjawab membuat keputusan (Dusenbury & Weissberg, 2017).

Kedua, pentaksiran bilik darjah disarankan supaya mengutamakan matlamat membentuk sifat-sifat peribadi pelajar, *the Big Five Personality Traits*, bagi membolehkan pelajar berfungsi sebagai

warga negara yang baik. Lima sifat personaliti tersebut ialah *Extraversion Neuroticism*, *Conscientiousness*, *Openness* dan *Agreeableness*. Kerangka pentaksiran ini dipelopori oleh Organization for Economic Cooperation and Development (OECD).

Satu lagi matlamat pentaksiran kompetensi adab ialah untuk menyempurnakan usaha memperkembang kompetensi kognitif dan afektif yang merentasi pelbagai disiplin ilmu (Kementerian Pendidikan, British Columbia). Kerangka pentaksiran ini mengutamakan tahap kompoetensi “apa yang pelajar lakukan.” Kluster kompetensi yang menjadi sasaran pentaksiran ini meliputi amalan pemikiran krtitis, pemikiran kreatif, komunikasi beretika, kesedaran dan tanggungjawab sendiri, identiti dan budaya sendiri, dan tanggungjawab sosial, selain kandungan kurikulum.

Pentaksiran Untuk Pembelajaran

Kerangka CASEL yang menjadi rujukan utama penyelidikan dan amalan pentaksiran pembelajaran sosial dan emosi memberi penekanan pada integrasi pentaksiran dalam PdPc. Integrasi ini berlaku menerusi pentaksiran bilik darjah. Dengan itu, proses mengukur dan menilai kompetensi bagi kerangka ini mempunyai ciri-ciri pentaksiran untuk pembelajaran.

Kajian OECD untuk membina kerangka pentaksiran masih lagi di peringkat awal. Oleh itu, proses pentaksirannya sekadar melibatkan kaji selidik ke atas kompetensi emosi dan kemahiran sosial secara berkala. Sekitar tahun 2017, (OECD) mula melaksanakan Kajian Kemahiran Sosial dan Emosi (Kankaraš & Suarez-Alvarez, 2019). Pentaksiran dilakukan untuk mengukur, menilai dan membanding kemahiran sosial dan emosi pelajar yang berumur 10 tahun dan 15 tahun di peringkat antarabangsa. Walau pun data yang dikumpul berpotensi digunakan untuk keperluan diagnostik, ciri-ciri penting pentaksiran untuk pembelajaran sukar dikesan dalam proses ini.

Struktur Pelaksanaan

Tinjauan literatur menemukan empat jenis struktur pelaksanaan pentaksiran kompetensi non kognitif (Dusenbury & Weissberg, 2017) yang mempunyai kaitan dengan adab pelajar, iaitu:

- i. Amalan menyediakan suasana dan iklim PdPc yang dapat merangsang pertumbuhan kompetensi kemahiran sosial dan emosi, tanpa menekankan pentaksiran untuk pembelajaran.
- ii. Pelaksanaan sesi, aktiviti dan program khusus bagi mengajar dan membimbing peningkatan kompetensi kemahiran sosial dan emosi.
- iii. Integrasi PdPc dengan pentaksiran untuk pembelajaran kompetensi kemahiran sosial dan emosi.
- iv. Pembentukan struktur dan polisi sekolah secara formal mengenai PdPc dan pentaksiran kompetensi kemahiran sosial dan emosi.

Kaedah, Teknik dan Instrumen Pentaksiran

Hampir semua pentaksiran kompetensi non kognitif melibatkan penggunaan berbagai-bagai kaedah, instrumen dan teknik analisis dan pelaporan keputusan pentaksiran. Misalnya, pentaksiran untuk memperkembangkan kompetensi belajar merentasi berbagai disiplin akademik seperti yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, British Columbia didapati mengamalkan pelbagai kaedah, teknik dan instrumen pentaksiran. Ini meliputi pemerhatian guru, rubrik, pentaksiran

kendiri, pentaksiran rakan sebaya, pertemuan guru dengan ibu bapa, temu bual, maklum balas guru, maklum balas ibu bapa dan maklum balas rakan sebaya.

Penggunaan pelbagai kaedah, teknik dan instrumen pentaksiran sedemikian adalah sejajar dengan amalan pentaksiran bilik darjah. Amalan seperti inilah yang turut dicadangkan menerusi dasar pentaksiran bilik darjah untuk KSSR dan KSSM di negara ini. Juga, semua sistem pendidikan yang melaksanakan pentaksiran bilik darjah mengamalkan kepelbagai kaedah, teknik dan instrumen penaksiran kompetensi yang kompleks ini, kecuali kerangka OECD yang hanya menggunakan kaji selidik sebagai satu-satunya kaedah pentaksiran. Kepelbagaian ini penting kerana tidak terdapat satu kaedah atau teknik pentaksiran tertentu yang mampu mentaksir kandungan kompetensi adab selengkapnya.

Perbincangan dan Cadangan

Tinjauan literatur menghasilkan beberapa beberapa penemuan penting. Pertama, pentaksiran kompetensi non kognitif yang mempunyai unsur-unsur adab sememangnya telah mula dilaksanakan. Namun, matlamat pentaksiran yang dihalau tuju adalah untuk menghasilkan warga negara yang baik, kebolehpasaran lepasan sekolah, atau keupayaan pelajar menguasai kompetensi kurikular (Jones & Bouffard, 2012; Wrabel et al., 2018). Matlamat-matlamat ini diramalkan dapat meningkatkan kesejahteraan hidup pelajar dan lepasan sekolah.

Nyata bahawa matlamat-matlamat tersebut penting, tetapi belum cukup untuk menyempurnakan aspirasi sistem pendidikan negara yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seperti yang dijangkakan, kerangka penaksiran konvensional tidak mengambilkira betapa perlunya amalan pentaksiran dimanfaatkan sebagai usaha yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan kehidupan pelajar di dunia dan akhirat, mendapatkan keredaan Allah, malahan mengamalkannya sebagai ibadah. Adalah wajar jika keterbatasan ini ditangani menerusi pembinaan kerangka pentaksiran adab di negara ini.

Kedua, secocok dengan tiga matlamat tersebut komponen dan kandungan pentaksiran konvensional berkisar kepada kompetensi kemahiran sosial dan emosi. Kompetensi ini dicerakin, dihalusi dan dicerna mengikut kluster-kluster dan petunjuk-petunjuk yang unik tetapi saling berpaut. Misalnya, kemahiran sosial dan emosi didefinisi dan dioperasikan sebagai lima kluster kompetensi, iaitu; kesedaran sendiri, tadbir urus sendiri, kesedaran sosial, kemahiran sosial dan tanggungjawab membuat keputusan. Pengkonsepsian ini banyak membantu pentaksiran PpdPc dan pentaksiran.

Keadaan yang hampir serupa wujud dalam konteks pendidikan dan pentaksiran adab. Para ilmuan tersohor telah mengenalpasti kluster-kluster adab secara komprehensif dan inklusif. Misalnya, dalam konteks PdPc, Imam al Ghazali telah membentangkan makna dan petunjuk-petunjuk kompetensi adab terhadap ilmu, adab terhadap guru dan adab guru. Namun, dewasa ini tidak banyak bukti-bukti empiris berkaitan sejauh mana dan bagaimana kompetensi-kompetensi ini diintegrasikan dalam PdPc dan pentaksiran.

Ketiga, kerangka pentaksiran OECD yang dipandu oleh matlamat membina peribadi pelajar (Kankaraš, & Suarez-Alvarez, 2019), mempunyai hirarki dan skala kedudukan “tahap kesukaran amalan” bagi setiap petunjuk kompetensi dan setiap pelajar yang dikaji. Teknik yang digunakan membenarkan perbandingan antara pelajar dan juga progres pembelajaran setiap pelajar

mengikut edaran masa dilakukan secara berwibawa, tentu sah dan boleh dipercayai. Kerangka ini melibatkan penggunaan analisis *item reponse theory* ke atas data empiris untuk tujuan tersebut.

Pendekatan yang sama elok dilakukan dalam usaha mengukuhkan kerangka pentaksiran adab dalam sistem pendidikan Islam. Seperti yang dibayangkan oleh Zuraidah Othman (2013), hirarki dan skala kompetensi adab adalah penting dan hendaklah berasaskan pemeringkatan aras kemuliaan dan keluhuran amalan secara progresif. Namun, kita masih memerlukan banyak perdebatan, perbincangan, pengkonsepsian dan penyelidikan saintifik untuk mencapai hasrat murni ini.


Keempat, kerangka pentaksiran yang berkualiti harus mempamerkan keseimbangan antara pentaksiran tentang pembelajaran adab dengan pentaksiran untuk pembelajaran adab. Kedua-duanya mempunyai kekuatan yang tersendiri. Misalnya, pentaksiran tentang adab boleh membantu guru mendapatkan bukti-bukti diagnostik tentang pengetahuan, kesedaran, penerimaan dan amalan beradab pelajarnya. Sementara itu, pentaksiran untuk pembelajaran adab amat penting untuk mendapatkan data mengenai progres pelajar menguasai amalan adab bagi memudahkan guru membuat keputusan-keputusan PdPc, selain digunakan untuk memberi maklum balas yang informatif, konstruktif dan instruktif dengan seberapa segera kepada pelajar (Mohamad Sahari Nordin, *in press*). Pentaksiran untuk pembelajaran adab dijangka dapat dicapai jika guru mengamalkan cadangan-cadangan yang dirumuskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Panduan Melaksanakan Pentaksiran Untuk Pembelajaran Adab

1. Menetapkan kompetensi dan pentunjuk adab yang menjadi sasaran pentaksiran (yang sedapat mungkin dibina bersama-sama murid dan ibu bapa, misalnya melalui teknik penyelesaian masalah *nominal group technique*)
2. Memaklumkan murid dan ibu bapa pelajar tentang kaedah dan teknik pentaksiran kompetensi adab yang dipersetujui sejak awal lagi.
3. Berbincang dengan pelajar tentang tugas dan instrumen pentaksiran formatif.
4. Menerangkan dan mengguna skala penarafan dan rubrik pemarkahan.
5. Melibatkan pelajar, rakan sebaya dalam proses pentaksiran adab (misalnya melalui pentaksiran sendiri dan pentaksiran rakan sebaya).
6. Mengaktifkan jaringan dan aliran komunikasi dan maklum balas antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar.
7. Memastikan pelajar menerima maklum balas yang bersifat konkrit, informatif, dan instruktif, pada kadar yang segera.
8. Memberi peluang pada pelajar membetulkan kesilapan dan dengan itu guru dapat melakukan penetapan semula tahap penguasaan.
9. Menggunakan keputusan pentaksiran untuk menambahbaik PdPc.
10. Menafsir kompetensi adab pelajar mengikut kaedah rujukan standard/rubrik.
11. Melaksanakan pentaksiran berterusan (dan memberi maklum balas serta merta), semasa menyampaikan pelajaran.

Kelima, kerangka pentaksiran adab seharusnya menggunakan amalan terbaik, iaitu pentaksiran 360 darjah. Maksudnya, kaedah pengukuran dan penilaian sesuatu kompetensi adab dilakukan dengan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan. Pihak-pihak yang penting untuk terlibat sama adalah pelajar berkenaan (pentaksiran sendiri), rakan sebaya (pentaksiran rakan sebaya), ibu

bapa dan guru, seperti yang digambarkan dalam Rajah 1. Teknik dan instrumen pentaksiran yang sesuai dengan keadaan dan sifat pentaksir boleh dipilih dan digunakan, misalnya rekod anekdot, senarai semak, skala penarafan, rubrik prestasi, temu bual, pertemuan formal dan soal selidik (Jadual 2).



Rajah 1: Kerangka Pentaksiran Adab Pelajar

Kaedah dan teknik yang pelbagai ini adalah penting kerana perkara yang ditaksiran—kompetensi beradab—adalah tingkah laku yang kompleks. Sesuatu tingkah laku yang pelajar tampil secara spontan dan konsisten, sama ada beradab, atau kurang beradab, atau tiada adab ditunjangi oleh kesedaran dan keupayaan-keupayaan berfikir aras tinggi, membuat penilaian, membentuk sistem nilai sendiri dan menghayati nilai-nilai sehingga terbitnya tingkah laku bersopan dan mulia. Hanya dengan mengumpul dan menganalisis evidens dari pelbagai sumber barulah keputusan yang berwibawa, tentu sah dan saksama tentang penguasaan adab sasaran dapat dihasilkan.

Jadual 2 meringkaskan pertalian antara kompetensi adab, kaedah dan instrumen mengumpul evidens yang dapat digunakan dalam pentaksiran bilik darjah. Senarai kaedah dan instrumen ini hanyalah sebahagian daripada contoh-contoh utama yang kerap digunakan dan disarankan oleh para penyelidik dalam bidang ini. Ini tidak bermakna bahawa semua kaedah dan instrumen ini perlu

digunakan serentak dalam sesuatu penggal persekolahan. Guru boleh membuat pertimbangan profesional masing-masing untuk memilih dua atau tiga kaedah dan instrumen yang praktikal dan sesuai dengan keadaan di kelas masing-masing.

Jadual 2: Kompetensi Adab, Kaedah dan Instrumen Pentaksiran

Intipati dan Hirarki Aras Kompetensi Beradab	Kaedah Pentaksiran	Instrumen Dapatkan Evidens
Proses pentaksiran dapat digunakan untuk mengukur aras dan pertumbuhan penguasaan murid/pelajar daripada segi: adab menuntut ilmu, adab terhadap guru adab terhadap ibu bapa adab terhadap orang tua, adab terhadap rakan, dengan kesedaran dan komitmen beribadat dan mendapat keredaan Pencipta	Guru	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian KBAT, psikometrik • Penyelesaian masalah adab • Soal selidik pengajaran • Kertas 1-minit
	Ibu Bapa	<ul style="list-style-type: none"> • Pentaksiran kerja kumpulan • Senarai semak • Skala penarafan
	Rakan Sebaya	<ul style="list-style-type: none"> • Rekod pemerhatian oleh guru • Rekod pemerhatian ibu bapa • Rekod anekdot • Laporan prestasi berkala
	Pentaksiran Kendiri	<ul style="list-style-type: none"> • Temu bual pelajar • Temu bual ibu bapa • Teknik kumpulan nominal • Aplikasi <i>PeerScholar</i> • Catatan refleksi, dairi • Inventori regulasi sendiri

Penutup

Kertas ini membentangkan satu kerangka konsep pentaksiran adab pelajar. Usaha ini digerakkan bagi menangani keterbatasan maklumat dan pemahaman tentang pentaksiran adab di bilik darjah. Dengan bersandarkan makna dan matlamat pendidikan adab, serta prinsip-prinsip pentaksiran untuk pembelajaran, tinjauan dan analisis deskriptif-intepretif dilakukan ke atas penerbitan berkaitan pentaksiran non kognitif yang menyentuh dengan aspek-aspek adab. Kerangka pentaksiran yang terbit daripada tinjauan ini bersifat satu struktur yang memetakan kedudukan dan hubungkait antara hasil atau standard pembelajaran adab dengan kaedah melakukannya.

Pembentukan kerangka pentaksiran adab berpotensi menyumbang kepada usaha pemimpin pendidikan, dan golongan pembuat dan pelaksana dasar pendidikan kebangsaan. Walau pun aspek-aspek afektif, terutamanya domain yang berkaitan dengan adab—kemahiran sosial, emosi dan kerohanian telah lama bertempat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan—masih banyak ruang dan peluang untuk meningkatkan kualiti dan pencapaiannya. Lagi pun, sehingga kini masih belum terdapat mekanisme yang jelas untuk menyepadukan pendidikan dan pentaksiran adab dalam PdPc. Adalah dipercayai bahawa kerangka pentaksiran ini dapat memudahcara proses mentadbir urus, menggubal dasar-dasar operasional, memantau pemantauan dan menambahbaik pentaksiran bilik darjah.

Kerangka pentaksiran adab ini juga membuka laluan kepada para penyelidik dan pelajar pasca siswazah untuk mengenalpasti aspek-aspek adab yang perlu dikaji dengan hasrat untuk menyumbang kepada matlamat pendidikan Islam, khususnya yang menjurus pada kepatuhan

kepada Allah. Sehingga kini himpunan literatur kelihatan gersang kerana terhadnya data dan bukti saintifik sama ada yang bersifat kualitatif atau kuantitatif mengenai misalnya, PdPc adab, hirarki kemuliaan dan keluhuran adab mengikut komponen, pengukuran dan skala pertumbuhan adab mantap, corak pertalian antara komponen dengan petunjuk adab, penguasaan kompetensi adab menurut edaran masa, dan strategi dan teknik yang berkesan mendidik adab. Kerangka pentaksiran 360 darjah yang dicadangkan di sini menyediakan ruang yang luas untuk menempatkan teori, model, dan pendekatan ilmu berkaitan adab yang masih tidak (atau belum) menjadi agenda penyelidik konvensional.

Akhir sekali, tetapi yang paling penting sekali, kerangka pentaksiran adab ini diperagakan untuk kegunaan pendidik, terutamanya para guru. Selain ibu bapa, para guru adalah pejuang garis hadapan (*frontliners*) yang mampu membentuk adab pelajar yang akhirnya akan menjadi tunjang pembangunan tamadun dan peradaban insan. Kerangka pentaksiran ini perlu digunakan dan ditambah baik secara berterusan sebagai panduan mendidik adab dengan merentasi disiplin ilmu. Keterlibatan dan pengalaman para guru menjanjikan sumbangan yang cukup kaya untuk membina domain ilmu adab untuk komuniti Muslim. Panduan ini membantu guru merancang, melaksanakan dan menambahbaik PdPc yang sarat adab. Usaha seperti yang diilham oleh Imam al Ghazali menerusi kata-katanya yang berkemas, “tugas setiap pendidik adalah membimbing murid dan dirinya sendiri ke arah pintu syurga.”

Rujukan

Al Attas, S.N. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

Anatasi, A. (1990). *Psychological testing* (5th ed). New York: MacMillan.

Asmawati Suhid. (2007). Pengajaran adab & akhlak islam dalam membangunkan modal insan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 8, 167-178.

Astin, A.W. (1985). *Achieving educational excellence: A critical assessment of priorities and practices in higher education*. San Francisco: Jossey-Bass.

Banta, T.W., Lond, J.P., Black, K.E., & Oblander, F.W. (Eds.). (1996). *Assessment in practice: Putting principles to work on college campuses*. San Francisco: Jossey-Bass.

Chen, P.P., & Bonner, S.M. (2020) A framework for classroom assessment, learning, and self-regulation, *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 27:4, 373-393, DOI: 10.1080/0969594X.2019.1619515

Dusenbury, L., & Roger P. Weissberg, R.P. (2017). *Social Emotional Learning in Elementary School: Preparations for Success*. Issue Brief, Edna Bennett Pierce Prevention Research Center, University Park, PA: The Pennsylvania State University, 12. Available at, <https://www.rwjf.org/en/library/research/2017/04/social-emotional-learning-in-elementaryschool.html>.

Dzulkifli Abdul Razak. (2019). Hari uka Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Adab, akhlak, limpahan budi dan sejahtera. Dalam Dzulkifli Abdul Razak dan Rosnani Hashim, *Falsafah Pendidikan Kebangsaan: Pentafsiran baharu dan pelaksanaannya Pasca 2020* (Eds.)(halaman 370-380). Kuala Lumpur: IIUM Press.

- Gronlund, N.E. (1998). *Assessment of student achievement*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hutchings, P., Marchese, T., & Wright, B. (1991). *Using assessment to strengthen general education*. Washington, DC: American Association for Higher Education Assessment.
- Jones, S. M., & Bouffard, S.M. (2012). *Social and emotional learning in schools: From programs to strategies*. Social Policy Report 26 (4): 1-22. Available at, <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED540203.pdf>.
- Lippman, Laura H., Renee Ryberg, Rachel Carney, and Kristin A. Moore. June 2015. Workforce Connections: Key Soft Skills that Foster Youth Workforce Success—Towards a Consensus Across Fields. Child Trends Publication No. 2015-24, Bethesda, MD: Child Trends, Inc., 56. Accessed April 29, 2020. <https://www.fhi360.org/sites/default/files/media/documents/workforceconnections-soft-skills-small.pdf>.
- Kankaraš, M., & Suarez-Alvarez, J. (2019). *Assessment framework of the OECD study on social and emotional skills*. Education Working Paper No. 207, OECD. Available at [http://www.oecd.org/officialdocuments/publicdisplaydocumentpdf/?cote=EDU/WKP\(2019\)15&docLanguage=En](http://www.oecd.org/officialdocuments/publicdisplaydocumentpdf/?cote=EDU/WKP(2019)15&docLanguage=En)
- Manar Eissa & Madihah Khalid. (2018). Development of character and life skills through Islamic methods of teaching acquired science subjects at Islamic International Schools in Malaysia. *IJUM Journal of Educational Studies*, 6(1),3-17.
- Marzano, R.J., Norford, J.S., & Ruyle, M. (2019). *The new art and science of classroom assessment*. Bloomington, IN: Solution Tree Press
- McMillan, J.H. (1997). *Classroom assessment: Principles and practice for effective instruction*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Mertasari, N.M., Yudana, I.M., & Gita, I. (2019). Model of Integrated Character Education Assessment based on Balinese Culture. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 178, 367-370.
- Messick, S. (1988). Validity. In R. Linn (ed.), *Educational measurement*. New York: MacMillan.
- Mohamad Kamal Hassan. (1998). *Pendidikan dan pembangunan: Satu perspektif bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohamad Sahari Nordin (in press). *Pentaksiran bilik darjah: Satu manifestasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan*.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2014). Adab-adab guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 7, 97–130
- Mullis, I.V.S, & Martin, M.O. (2019) (Eds). *TIMSS 2019: Assessment frameworks*. TIMSS & PIRLS International Study Center, Lynch School of Education, Boston College and International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA). Available at, <https://timss2019.org/wp-content/uploads/frameworks/T19-Assessment-Frameworks.pdf>

- Nor 'Adha Abdul Hamid, Suziana Hanini Sulaiman, Wazzainab Binti Ismail, Intan Fadzliana Ahmad, Khairunnisa' Ismail, & Siti Noor Ahmad. (2014). The inculcation of 'Adab' as the essence of education. *Asian Journal of Management Sciences & Education*, 3(4), 135-141.
- Norlia Harun. (2017). *Sikap, norma subjektif dan persepsi mengamalkan adab belajar dalam pelaksanaan Latihan Hijrah pelajar sekolah berasrama penuh*. Unpublished Thesis, UKM, Malaysia.
- Nurliana Mohd. Hassan, Khairul Anwar Mastor, Fariza Mohd. Sham, & Fazilah Idris. (2016). The impact of ta'dib towards creating a sustainable ummah. *World Applied Sciences Journal* 34 (10), 1430-1435. DOI: 10.5829/idosi.wasj.2016.1430.1435
- OECD (2019), PISA 2018 Assessment and Analytical Framework, PISA, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/b25efab8-en>
- Popham, W.J. (2019). *Classroom assessment: What teachers need to know* (9th ed.) NY: Pearson.
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). cabaran guru pendidikan islam dalam pembentukan akhlak pelajar. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 3, 100-110.
- Stiggins R. (2009). Assessment for Learning in Upper Elementary Grades. *Phi Delta Kappan*, 90(6), 419-421. doi:10.1177/003172170909000608
- Umi Faizah, Darmiyati Zuchdi, & Yasir Alsamiri. (2019). An authentic assessment model to assess kindergarten students' character. *REiD (Research and Evaluation in Education)*, 5(2), 103-119.
- Wrabel, S.L., Hamilton, L.S., Whitaker, A.A., & Grant, S.E.A.N. (2018). Investing in evidence based social and emotional learning. US: Rand Corporation.
- Zuraidah Othman. (April, 2013). *Pembentukan ilmuwan beradab melalui penerapan konsep ta'dib dalam pendidikan: Suatu analisis*. Kertas kerja yang telah dibentangkan dalam International Conference on Islamic Education (ICIEd), Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.